

Anak Dr M berkempen sebagai anak kampung di Ayer Hitam, janji bawa pembangunan
Malaysian Insider
April 28, 2013
Oleh Md Izwan

AYER HITAM, 28 April — Tiada sebarang perubahan pembangunan di Ayer Hitam sepanjang sepenggal kerajaan PAS memerintah negeri Kedah, anak bekas perdana menteri Datuk Mukhriz Mohamad adalah satu-satunya harapan untuk penduduk setempat merasai pembangunan.

Mukhriz, anak kepada bekas perdana menteri paling lama berkhidmat, Tun Dr Mahathir Mohamad, adalah calon Barisan Nasional (BN) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hitam bagi Pilihan Raya 2013.

"Dia ada pendidikan, pernah jadi menteri dan memegang jawatan besar syarikat besar, tidak mustahil untuk dia boleh buat pembangunan besar di sini," kata Roslan, 29, anak muda tempatan yang ditemui semasa karnival BN di Ayer Hitam semalam.

"Lagipun sejak PAS menang 2008, tidak ada pembangunan besar di sini."

Pernah menyandang jawatan sebagai timbalan menteri, Mukhriz seperti simbol kepada anak muda yang mengaguminya sebagai pemimpin yang memahami kelompok pengundi muda di Ayer Hitam.

"Lihatlah kempen-kempen dia di sini, anak-anak muda banyak tertarik," kata seorang lagi anak muda, Mohd Ridzwan Hassan, 27, kepada The Malaysian Insider. "Datuk Mukhriz juga janji untuk bina gelanggang futsal disini.

"Saya rasa BN boleh buat lebih baik daripada PAS," tambahnya lagi.

Walau bagaimanapun, berbeza dengan golongan mereka yang berumur pertengahan, seorang penduduk tempatan yang hanya mahu dikenali sebagai Man, 35, berkata peranan pembangkang juga masih diperlukan untuk menyeimbangkan pemerintahan.

"Bagus memanglah bagus, tapi pembangkang pun kena kuat. Kalau tidak mereka senang buat suka hati," kata Man yang ditemui ketika sedang menjala ikan di hujung kampung Kerpan.

Mukhriz mengambil pendekatan berkempen di Ayer Hitam dengan membawa imej sebagai anak kampung, masuk ke pelosok kampung kecil dikelilingi sawah padi dan kolam ternakan udang.

Namun, imej tokoh korporat masih tidak dapat dibuang oleh Mukhriz yang masih lagi mengenakan kasut hitam kilat dan berseragam baju biru BN serta bertopi.

Beliau juga kini sudah fasih bercakap dalam loghat Kedah.

Mukhriz semalam menghadiri satu program hari keluarga yang dianjurkan oleh Blue Archipelago, penternak udang di Kerpan (salah satu daerah dalam Ayer Hitam) yang menjemputnya untuk bersama pekerja di kolam tersebut yang terdiri daripada penduduk tempatan.

"Apa habag orang Kerpan?" kata Mukhriz dalam loghat Kedah memulakan ucapan.

Ayer Hitam satu-satunya kawasan dalam Parlimen Jerlun yang gagal dimenangi BN pada pilihan raya umum 2008 lalu, apabila tewas dengan perbezaan 506 majoriti kepada calon PAS Abdul Ghani Ahmad.

Bersandarkan pengalaman sebagai menteri, Mukhriz dalam setiap kempenya menjanjikan pembangunan di Ayer Hitam terutamanya dengan menjadikan kawasan negeri tersebut setaraf dengan kawasan-kawasan lain yang maju di Kedah.

"Sekiranya penduduk Ayer Hitam memberikan mandat kepada saya, saya berjanji akan bawa pembangunan di sini.

"Saya akan bawa pembangunan di Ayer Hitam seperti yang berlaku di Kubang Pasu, kawasan bapa saya semasa menjadi perdana menteri," kata Mukhriz disambut dengan tepukan orang ramai.

Cara Mukhriz berkempen di kawasan pendalaman tersebut berbeza dengan tempat lain, pelbagai aktiviti diadakan sejak hari Penamaan Calon antaranya ekspo pameran dan pertandingan paintball, yang lebih digemari oleh penduduk bandar.

Malahan Mukhriz juga menjanjikan kepada penduduk tempatan akan membina mini stadium di Sanglang serta tiga buah gelanggang futsal di sekitar Ayer Hitam sekiranya dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Saya juga berjanji kepada hadirin, jika terpilih kita akan bina stadium mini di Sanglang dan sudah merancang untuk membina tiga gelanggang futsal kepada anak-anak muda disini," kata Mukhriz lagi.

Tinjauan The Malaysian Insider mendapati bentuk kempen di bandar yang dibawa mendapat sambutan, ramai anak muda dan penduduk tempatan hadir pada program yang dianjurkan di pekan Ayer Hitam hampir setiap hari sepanjang tempoh berkempen ini.

Sepanjang jalan di Ayer Hitam, kelihatan papan tanda gambar Mukhriz dengan latar belakang hitam sebagai simbolik kepada kerusi DUN tersebut disamping slogan "Saya bangga jadi anak Kedah", bertujuan menonjolkan imej anak jati negeri utara tanahair.

Selain itu, Mukhriz juga bercakap tentang peluang pembangunan di Ayer Hitam, antaranya untuk membina hab gas di kawasan tersebut.

Dalam ucapannya lagi, Mukhriz juga berkata akan berusaha untuk menambah kemudahan awam di Ayer Hitam seperti sekolah dan lot-lot kedah, disamping turut menjanjikan untuk membina 1000 rumah untuk penduduk sekitar.

Salah seorang penduduk tempatan yang ditemui gembira apabila mendapat berita anak Dr Mahathir akan bertanding di Ayer Hitam, menganggap ia satu penghormatan kepada rakyat setempat.

"Dulu kami ingat dia tidak boleh bercakap loghat Kedah, tapi rupa-rupanya boleh," kata Hashim Ahmad, 45, penduduk Kerpan kepada The Malaysian Insider.

"Baguslah dia janji nak bawa pembangunan, tapi masalah utama di sini adalah isu rumah.

Kebanyakan penduduk mahu banyak rumah dibina di sini.”

Nama Mukhriz ketika ini disebut-sebut sebagai calon menteri besar Kedah sekiranya BN berjaya merampas kembali kerajaan daripada PAS.

Khabar angin itu lebih kuat lagi apabila beliau membuat keputusan tidak mempertahankan kerusi Parlimen Jerlun yang dimenangnya pada 2008 dengan majoriti 2205 undi.

Dalam Pilihan Raya 2008, negeri Kedah buat kali pertama dalam sejarah jatuh kepada pembangkang Pakatan Rakyat (PR) yang terdiri daripada PAS, PKR dan DAP.

Ketika ini, PAS menguasai 16 kerusi DUN Kedah diikuti BN dengan 14, PKR 3 dan DAP (1) dan dua wakil rakyat Bebas, yang sebelum ini merupakan anggota DUN PKR.

Daripada 15 kerusi parlimen di negeri tersebut, PAS menang enam kerusi, PKR menang lima kerusi dan selebihnya dimenangi oleh BN.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anak-dr-m-berkempen-sebagai-anak-kampung-di-ayer-hitam-janji-bawa-pembangunan/>